

MODEL NEGARA BERKEBAJIKAN oleh Mohd Nor Bin Anuar. Pusat Kursus Pengajian Ilmu-ilmu Islam (PKPII) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). 2013. Halaman:239. ISBN 978-967-104-27.

Buku ini ditulis oleh Mohd Nor Anuar yang merupakan pensyarah di Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Buku setebal 329 halaman ini mengandungi tujuh bab secara keseluruhannya, diolah dan disusun dengan penulisan yang sangat kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai teoritikal terhadap paradigma dan Maqasid Syariah sebagai asas pembentukan negara model Negara Berkebajikan dalam sistem ekonomi dan kewangan. Buku ini juga mengandungi binaan dan persembahan grafik berasaskan fakta dan maklumat secara bersistematik. Setiap bahagian terdapat subtopik perbincangan yang menarik untuk dibaca. Model ekonomi Negara Berkebajikan mengandungi set hukum perkaitan Maqasid Syariah yang mengawal faktor atau pembolehkan yang saling berkait sebagai satu sistem ekonomi dan kewangan berorientasikan *ubudiyah*.

Bab satu di dalam buku ini membincangkan tentang konsep mengenai Negara Berkebajikan dan perbandingannya dengan sistem-sistem ekonomi antarabangsa di samping menjelaskan kepentingan ekonomi Islam di arena antarabangsa. Negara Berkebajikan adalah sebuah negara yang mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama pembangunan. Negara Berkebajikan mementingkan pembangunan tetapi matlamatnya tetap kesejahteraan rakyat. Perkara ini disentuh secara umum dalam bab ini. Terdapat satu perbezaan asas antara dua unsur dalam bidang ekonomi iaitu nilai dan kepentingan. Kedua-dua perkara ini perlu diberi perhatian khusus. Unsur nilai merupakan sesuatu yang merentasi masa dan tempat sementara unsur kepentingan dipengaruhi oleh keperluan mengikut keadaan. Nilai seperti kebenaran, keadilan, kejujuran dan kecaknaan tidak membezakan antara sesama manusia mahupun apa jua keadaan. Kepentingan pula perlu membezakannya kerana ada keperluan dan keadaan khusus yang dihadapi. Nilai kadangkala boleh diterjemahkan dengan apa saja secara umum hinggakan turut menjaga kepentingan sesiapa saja yang ingin menterjemahkannya. Paradigma syariah membawa bersamanya dasar ekonomi nubuwah yang membentuk pemikiran ekonomi dan kewangan mesra-syariah. Ekonomi dan kewangan adalah ibarat irama dan lagu. Bab ini mengemukakan perbandingan ciri-ciri ekonomi Islam dan Konvensional. Seterusnya mengetengahkan prinsip-prinsip umum ekonomi dan kewangan Islam berasaskan paradigma dan hukum maqasid. Pendapat-pendapat para pemikir tradisional dan moden Islam turut membicarakan fasa-fasa pembangunan ekonomi untuk renungan minda para pelajar dan pembaca.

Tinjauan keperluan asas seterusnya dalam bab dua. Penulis membincangkan sebab-sebab pengharaman riba, tindakan-tindakan ekonomi konvensional yang boleh menjejaskan parameter-parameter ekonomi dan kewangan ke arah inflasi, deflasi dan stagflasi, serta tindakan menyelamatkan pembangunan negara mengikut paradigma Syariah. Petunjuk utama yang membezakan ciri-ciri antara pelbagai sistem ekonomi antarabangsa ialah bagaimana harta, sumber dan keluaran beredar serta diagihkan dalam ekonomi. Namun matlamat pertumbuhan ekonomi yang lestari dan agihan pendapatan negara yang lebih merata dikatakan lebih mesra dan serasi kepada sistem ekonomi Islam. Hal ini kerana sifat fungsi-fungsi ekonominya yang

dikatakan serba berkeadilan untuk tujuan menyebarkan keadilan dan kebajikan kepada semua manusia. Turut dibincangkan prasyarat pembangunan ekonomi, kewangan berasaskan riba kepada sistem ekonomi, kewangan berasaskan kos-plus, kesan-kesan penghapusan riba ke atas ekonomi dan kewangan dikupas secara analitikal. Antara kesan riba akan mengakibatkan *decapitalizing effect* kerana pelabur yang membuat pinjaman modal terpaksa menanggung pembayaran balik jumlah faedah pinjaman yang tinggi. Sekiranya mereka gagal untuk membayar balik pinjamannya dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak bank berkenaan maka nilai pinjaman pokoknya akan bertambah dengan sendirinya.

Apabila sistem ekonomi mengabaikan garis panduan Maqasid Syariah maka akan terjebak ke dalam aliran ekonomi kapitalis iaitu kadar pertumbuhan yang sangat tinggi. Akan tetapi agihan pendapatan atau ekuiti yang sangat kecil atau aliran ekonomi sosialis iaitu agihan atau ekuiti yang sangat besar. Namun pada kadar pertumbuhan ekonomi yang terlalu rendah. Pengabaian hukum Maqasid Syariah dalam dasar fiskal dan kewangan menyebabkan terbinanya hubungan negatif antara perubahan pertumbuhan ekonomi dengan perubahan ekuiti sosial.

Asas pemikiran bagi kerangka model ekonomi Negara Kebajikan diterangkan dalam bab tiga. Penggunaan wang sebagai alat penyimpan nilai boleh disalahgunakan sebagai instrument pengumpulan kekayaan secara 'atas angin' melalui sistem riba. Tanpa elemen riba rangka kerja ekonomi Islam akan menyelesaikan isu kestabilan dan keseimbangan antara penawaran dan permintaan. Ini melalui instrument zakat dan instrumen kos-plus iaitu penghapusan faedah kadar bunga pinjaman kepada pengambilan untung bersama. Ini bagi memastikan peranan asas wang sebagai alat perantaraan pertukaran di antara unit pengeluar dan unit pengguna tidak terperangkap dalam pasaran spekulasi. Isu harga yang adil ini melibatkan konsep untung kepada pengusaha dan pengeluar. Konsep perkongsian untung dengan beberapa mekanisme perkongsian untung turut dijelaskan. Defisini untung turut dikupas oleh Ibnu Khaldun secara jelas. Menurut Ibnu Khaldun, keuntungan sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia. Apabila seseorang sudah mempunyai keupayaan dan kepakaran yang mencukupi, maka akan menggunakannya untuk memperoleh pendapatan sebagai kurnia dari Allah SWT. Untuk itu, sebahagian daripada pendapatannya akan digunakan untuk memenuhi keperluan dan modal perniagaan. Penulis juga mengemukakan dan mengetengahkan fungsi garis Maqasid dalam pembangunan ekonomi negara sebagai asas pemikiran bagi membina kerangka model dan teori ekonomi serta kewangan Islam. Paradigma syariah tersebut bertanggungjawab meroboh arah aliran ekonomi ke arah keseimbangan yang dibuktikan bertentangan dengan arah aliran ekonomi konvensional.

Bab ini telah membuat pendefinisian semula model ekonomi konvensional kepada model ekonomi negara berkeadilan. Justifikasi syarie di sebalik model ekonomi dan kewangan Negara Berkeadilan ialah sifat-sifat manusia yang merugikan dilentur semula mengikut paradigma syariah. Corak tingkahlaku pengguna kepada Allah SWT sebagai pemilik segala-galanya melaksanakan prinsip Syariah dengan niat yang ikhlas. Menggunakan sesuatu yang bermanfaat tanpa membazir dan mendahulukan perkara dhoruriyat. Dalam lain-lain perkataan, aktiviti penggunaan, pelaburan dan pengeluaran menjadi satu pengabdian kepada Allah SWT. Setiap aktiviti ekonomi ada dosa dan pahalanya. Kepentingan akhirat dalam teori harga dan polisi penggunaan diberi fokus dalam analisis bab empat ini. Bagi menjaga kepentingan akhirat sebagai

al-Aulawiyat dalam muamalat *al-Maliah*, Negara Berkebajikan mengutamakan polisi masalah dan menyekat polisi mafsadah yang akan menyebabkan ketidakstabilan. Ini juga akan meluaskan jurang sosio-ekonomi iaitu *riba*, *maisir*, *ghaban*, *ikrah*, *bay' al-mudtarr*, *intikar*, *najash*, *gharar dah jahl mufdi ila al-niza*. Prinsip penggunaan Islam menyatakan bahawa setiap penggunaan yang diniatkan kerana Allah akan diberi pahala. Manakala pengguna yang mampu tetapi kikir sehingga keperluan hidupnya tidak dipenuhi atau dibelanjakan secara membazir atau menggunakan barangan tambahan secara riak akan dibalas dengan dosa.

Fungsi ekonomi negara berkebajikan dan impaknya ke atas zon pembangunan proksi Maqasid Syariah turut dibincangkan dalam bab seterusnya. Kesemua konsep, teori dan prinsip ekonomi diletakkan di atas satu kerangka teoritikal iaitu hukum Maqasid Syariah. Ini akan mengatur dan mendisplinkan nilai-nilai keutamaan mengikut rekabentuk paradigma Syariah. Setiap fungsi ekonomi negara berkebajikan didapati dan terbukti saling lengkap melengkapi sebagai satu sistem yang sentiasa akur dengan prinsip *al-wasatiyah*. Fungsi-fungsi ekonomi negara berkebajikan ialah menyingkirkan atau menyahkan sistem riba dan modus operandinya iaitu bunga. Ekonomi Islam mempunyai tiga sektor utama iaitu sektor *siyasyi* atau awam (Ekonomi Kenegaraan), sektor *tijari* atau swasta (Ekonomi Perdagangan) dan sektor *ijtima'i* atau kebajikan masyarakat (Ekonomi Kemasyarakatan). Sistem ekonomi Islam mengawal ketiga-tiga fungsi ekonomi di atas dasar ubudiyah dan akhlak iaitu taqwa. Ini ditegakkan dari Islam bersumberkan Al-Quran dan as-Sunnah. Rasulullah SAW melaksanakan sistem bebas riba dan diikuti oleh para sahabat RA sebagai sistem nilai penuh iaitu sistem berkebajikan melalui bidang ekonomi berasaskan Maqasid Syariah yang hukum perkaitannya bersifat holistik.

Bab seterusnya diterangkan tentang polisi kos-plus dan tinjauan teoritikal modus operasi ekonomi berkebajikan. Dalam domain keperluan hajiyat, tingkat keseimbangan ditentukan melalui prinsip suka sama suka dalam majlis akad. Ini bermakna pengeluar akan menjual pada tingkat harga yang dipersetujui dengan kuantiti barangan yang pembeli sanggup membayarnya. Bagaimanapun sesuatu akad jual beli dengan sendirinya terbatal jika melibatkan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan barangan terlarang menurut *fiqh al-syariah*. Malah prinsip *Tahdiri* mempunyai batasan tersendiri mengikut pasaran dalam sektor atau industri berbeza. Fungsi-fungsi Negara Berkebajikan turut dibincangkan dalam bab seterusnya. Fungsi penguatkuasaan oleh institusi *al-Hisbah* dikemukakan. Ini termasuk tentang perkara suruhan dan larangan ke atas individu dalam soal-soal penggunaan berhemat dan perbelanjaan berjimat cermat. Semua perkara tersebut mempengaruhi keseimbangan individu secara unit atau agregat yang seterusnya menyumbang kepada keseimbangan negara. Penulis juga menjelaskan konsep untung dan kebajikan sebagai satu tanggungjawab sosial korporat dalam Negara Berkebajikan. Polisi perbelanjaan dan penggunaan di dalam Islam juga turut dikupas secara terperinci. Keunikan polisi penggunaan penting bagi memberi satu rumusan kehidupan yang lebih sempurna. Islam tidak pernah mengabaikan isu penggunaan. Hal ini semua bentuk kurniaan dan anugerah Allah SWT kepada manusia. Dengan ini, manusia tidak akan bertindak secara melampau atau tidak rasional dalam menggunakan sumber-sumber kehidupan mereka. Setiap proses penggunaan hendaklah dihisab dengan cara yang saksama dan bertanggungjawab.

Dalam bab enam, penulis mengimbas kembali pendapat Ibnu Khaldun dengan pendapat Iraj Toutouchian untuk membuat triangulasi mengenai bentuk keluk permintaan modal tanpa riba. Nilai keanjalan keluk tersebut adalah mengikut kesan penyeluruhan sektor-sektor utama. Turut memperincikan analisis dengan mengemukakan jadual mengenai hubungan antara mod-mod transaksi pelaburan dengan mod-mod pembiayaannya. Bab ini juga menyentuh berkaitan dasar belanjawan Negara Berkebajikan yang seiring dengan dasar pelaburan Islam yang menjadikan sistem kewangan dan perbankan Islam lebih fleksibel, produktif serta inovatif. Tanpa riba, permintaan wang adalah untuk tujuan transaksi, pelaburan sebenar, awasan dan kebajikan serta bukan spekulasi. Penawaran wang pula melibatkan peranan kerajaan mengawal pasaran wang manakala peranan institusi kewangan swasta menyediakan alat pembiayaan modal untuk kemudahan pelaburan dan transaksi. Manakala peranan masyarakat pula sebagai penyumbang dana urusan niaga dan modal pelaburan.

Meskipun isu *al-Wasatiyah* telah disentuh dalam bab lima, namun penulis masih meneruskan perbincangan secara khusus mengenainya dalam bab tujuh supaya konsep ini difahami secara konkrit dan praktikal. *Wasatiyah* yang disentuh adalah berkaitan zakat dan cukai. Pengagihan wang zakat kepada lapan asnaf akan membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat terutamanya golongan miskin dan serba kekurangan. Instrumen dan amalan zakat adalah salah satu neraca *al-wasatiyah* yang adil. Menurut Ibn Khaldun, bertindak secara tidak adil ke atas harta rakyat dengan mengurangkan kehendak mereka untuk menambahkan kekayaan maka jika kehendak itu tidak ada akan menyebabkan mereka akan berhenti berusaha. Oleh itu, memperjuangkan keadilan dalam sistem percukaian adalah satu polisi *al-wasatiyah*. Polisi *al-Wasatiyah* dikaitkan dengan isu kesepaduan strategik antara dua ekstrim secara berimbang. Beberapa ilustrasi teoritikal ditunjukkan bagaimana domain keperluan *hajiyyat* menjadi penengah atau pengimbang kepada kecenderungan memusat. Keperluan *hajiyyat* dijadikan skala perkongsian pintar di antara domain keperluan *dhoruriyyat* dan domain keperluan *tahsiniyyat* di peringkat makro. Turut dinyatakan dua kategori utama

Negara Berkebajikan alternatif Islam atau perlu dirujuk kepada konsep negara kebajikan seperti yang diamalkan di barat. Hal ini kerana pemikiran masyarakat awam begitu terikat dengan kepercayaan umum bahawa apabila disebut Negara Berkebajikan, ini adalah milik barat. Stereotaip ini perlu diketepikan. Malah Negara Berkebajikan adalah sinonim dengan ekonomi negara Islam. Apa sahaja prinsip, mekanisme, hukum dan teori yang diaplikasi kepada ekonomi Negara Berkebajikan atau ekonomi berasaskan dasar *nubuwwah*, semuanya adalah pelengkap antara satu sama lain dalam keseluruhan sistem muamalat Islam.

Norita Kamaruddin

Jabatan Syariah

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor